

03 AUG 1996

Gangguan-Senario

GANGGUAN HARI INI ANTARA 10,000 KALI GANGGUAN SEBULAN

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Gangguan bekalan elektrik yang dialami hari ini merupakan antara 10,000 kali gangguan yang dilaporkan setiap bulan di negara ini.

Jumlah itu sukar dipercayai tetapi ia dipetik daripada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memandang berat kejadian serupa yang berlaku pada 11 Ogos tahun lepas.

Ketika Malaysia bergerak menuju matlamat menjadi sebuah negara maju dan pusat lebuhraya teknologi maklumat multi-media, negara ini tidak mampu lagi untuk terus mengalami gejala ini.

Bagaimana Malaysia dapat terus menarik pelabur asing dan memastikan peralatan teknologi tinggi beroperasi tanpa jaminan bekalan tenaga.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon pernah berkata beliau telah diaju beberapa pertanyaan mengenai perkara itu semasa mengetuai misi perdagangan ke luar negeri.

Gangguan bekalan berlaku bukan disebabkan kekurangan bekalan kerana permintaan di negara ini masih rendah berbanding bekalan yang ada.

Tahun lepas Dewan Rakyat telah diberitahu bahawa perangkaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menunjukkan jumlah tenaga yang dikeluarkan oleh Tenaga Nasional Berhad dan pengeluar tenaga persendirian (IPP) ialah sebanyak 9,784 megawatt manakala permintaan waktu puncak di Semenanjung Malaysia hanya 6,347 megawatt.

Senario yang sama wujud di Sabah dan Sarawak di mana permintaan waktu puncak lebih rendah daripada kemampuan pengeluaran.

Bekalan tenaga simpanan negara ialah sebanyak 54 peratus tahun lepas.

Persoalan di sini ialah bukan masalah bekalan dan permintaan tetapi mencari jalan dan ikhtiar untuk mengurangkan masalah itu.

Tenaga Nasional dan IPP perlu mencari puncanya sama ada sistem atau program penyelenggaraan yang menyebabkan masalah itu.

"Cari puncanya. Sama ada sistem yang tak betul? Apakah kabel sentiasa diperiksa seperti yang sepatutnya atau tak ada jadual pemeriksaan?" Perdana Menteri pernah mengemukakan pertanyaan itu kepada mereka tahun lepas.

Apakah rakyat Malaysia masih terpaksa menggunakan "lilin" 10,000 kali sebulan untuk menghadapi makan malam pada tahun 2020.? -- BERNAMA

JM OBA